# 9.0 PAKAIAN DAN PENAMPILAN

Semua siswa mestilah mematuhi etika pakaian yang ditetapkan oleh Universiti. Pada dasarnya siswa mestilah berpakaian bersih, kemas, bersopan dan sesuai dengan keperluan dan keadaan pada setiap masa. Tanda nama yang akan diberikan mestilah dipakai sepanjang Program Siswa Lestari.

## 9.1 PAKAIAN MAJLIS SAMBUTAN SISWA

Berikut ialah etika pakaian semasa Majlis Sambutan Siswa:

**Lelaki**

i. Kemeja berlengan panjang, berseluar slack berwarna gelap dan bertali leher.
ii. Kasut bertutup berwarna gelap dan berstokin (Selipar dan sandal tidak dibenarkan).

**Perempuan**

i. Baju Kurung/Kebaya atau blaus berlengan panjang, kain atau skirt di bawah paras lutut.
ii. Berkasut (Selipar tidak dibenarkan).

## 9.2 ETIKA PAKAIAN SISWA DI PELBAGAI LOKASI DALAM KAMPUS SEPANJANG PENGAJIAN

Semasa siswa berada di dalam kampus sepanjang pengajian bagi mengikuti kuliah, tutorial, tempat permainan, pejabat dan sebagainya, siswa DIWAJIBKAN untuk mematuhi kod etika pakaian yang ditetapkan seperti jadual berikut

| PAKAIAN | TEMPAT ATAU LOKASI |
|---|---|
| PAKAIAN KEMAS<br>• Kemeja lengan pendek atau panjang<br>• Baju Kot (jika ada)<br>• Tali leher<br>• Seluar panjang bukan jenis Jeans<br>• Pakaian seragam<br>• Bersepatu – bukan jenis yang dipakai semasa bersukan<br>• Pakaian tradisional (termasuk Sut Melayu dan bersongkok, ‘Cheongsam’, ‘Saree’ dan sebagainya) | TEMPAT RASMI<br>• Majlis rasmi<br>• Temujanji dengan Pegawai atasan Universiti di pejabat<br>• Mesyuarat-mesyuarat peringkat universiti<br>• Urusan rasmi di pejabat<br>• Bangunan Canselori |

| | |
|---|---|
| **PAKAIAN SEPARUH KEMAS**<br>• Baju T berkolar<br>• Seluar jenis Jeans<br>• Jaket yang sesuai<br>• Bersepatu (kasut) | **TEMPAT SEPARUH RASMI**<br>• Dewan Kuliah/Bilik Tutorial/Makmal<br>• Perpustakaan<br>• Pusat Sejahtera<br>• Kafetaria<br>• Bangunan Canselori |
| **PAKAIAN SUKAN**<br>• Baju T tanpa kolar atau berkolar<br>• Jaket sukan<br>• Seluar sukan yang bersesuaian<br>• Berkasut sukan<br>• Topi atau alat sukan dan keselamatan yang lain | **TEMPAT BERSUKAN**<br>• Padang<br>• Gimnasium<br>• Stadium<br>• Mana-mana tempat sukan dan reakreasi di dalam Universiti |
| **PAKAIAN DI MAKMAL, BENGKEL ATAU STUDIO**<br>• Kot makmal<br>• Pakaian yang sesuai untuk studio dan bengkel<br>• Bersepatu dan peralatan keselamatan yang diperlukan<br>**Siswa Pusat Pengajian Sains Farmasi:**<br>• Kemeja lengan pendek atau panjang<br>• Seluar Slack<br>• Berkasut – bukan jenis yang dipakai semasa bersukan<br>• Kot Makmal<br>• Blouse yang bersesuaian (Perempuan)<br>• Skirt yang melebihi paras lutut (Perempuan)<br>• Baju Kurung (Perempuan) | **MAKMAL, BENGKEL ATAU STUDIO**<br>• Bertugas di Makmal, Bengkel, Studio dan lain-lain<br>• Siswa tahun akhir yang menjalankan latihan di Hospital USM |
| **PAKAIAN TIDAK KEMAS**<br>• Baju tanpa lengan<br>• 'Mini skirt' di atas paras lutut atau seluar pendek (Perempuan)<br>• Baju yang mendedahkan atau menjolok mata<br>• Selipar (dibenarkan pada waktu petang atau malam di kafetaria dan tempat tidak formal)<br>• Bertindik telinga atau mana-mana bahagian muka dan tubuh (Lelaki)<br>• Lelaki berambut panjang mencecah kolar<br>• Rambut berwarna ganjil (kuning, hijau, biru, ungu, merah dan sebagainya) | **TIDAK DIBENARKAN DALAM KAMPUS (RUJUK POSTER ETIKA PAKAIAN)** |


Majlis Rasmi
Aktiviti Sukan
Kuliah dan Urusan Pejabat
Pakaian Yang Dilarang
Aktiviti Santai